

PENGECUALIAN PENYAKIT MUDAH JANGKIT SEMASA PHEIC

Kontrak Insurans ini tidak akan melindungi sebarang tuntutan yang berpunca daripada apa-apa jua sebab atau akibat daripada penyakit mudah jangkit, yang merupakan suatu wabak yang diisytiharkan sebagai Darurat Kesihatan Awam Keprihatinan Antarabangsa (PHEIC) oleh Kesatuan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pengecualian ini akan dikenakan ke atas tuntutan yang dibuat selepas tarikh sebarang pengisytiharan, selain daripada sesuatu diagnosis berkaitan telah dibuat oleh seorang pengamal perubatan yang diiktiraf sebelum tarikh sebarang pengisytiharan.

Pengecualian ini akan terus dikenakan sehingga WHO membatalkan atau menarik balik sesuatu PHEIC yang berkenaan.

Penyakit Mudah Jangkit bermakna sebarang penyakit yang boleh merebak melalui manusia, haiwan atau spesies yang dijangkiti kepada manusia, haiwan atau spesies lain dengan apa-apa jua cara pun.